

# Ulang tahun ke-20 pelantikan Mahathir sebagai PM dirai

UM 17 JUL 2001

KUALA LUMPUR 16 Julai — Doa, pulut kuning dan sajak mewarnai majlis kesyukuran ringkas yang dianjurkan kakitangan Pejabat Perdana Menteri hari ini sempena ulang tahun ke-20 pelantikan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri Malaysia.

Lebih 100 kakitangan memenuhi ruang pejabat Perdana Menteri di Putrajaya dalam majlis setengah jam yang turut dihadiri oleh isteri Perdana Menteri, Datin

Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali itu.

Doa pembuka acara dibacakan oleh Ustaz Ahmad Rosli Ahmad Mokhtar manakala sebuah sajak bertajuk 'Mahathir' telah dibacakan oleh Setiausaha Akhbar Perdana Menteri, Datuk Zakaria Wahab.

Dr. Mahathir kemudiannya memotong pulut kuning dan kek yang dihadiahkan sempena hari bersejarah itu.

Turut hadir ialah Penasihat Ekonomi kepada Per-

dana Menteri, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop, Ketua Setiausaha Sulit, Datuk Badariah Ahmad dan dua Setiausaha Politik Perdana Menteri iaitu Datuk Johari Baharom dan Matthias Chang Wen Chieh.

Perdana Menteri dan semua kakitangan kemudiannya menyambung semula tugas masing-masing selepas majlis itu berakhir kira-kira pukul 3 petang.